

**Article Info:**

Received Date: 21 October 2020

Accepted Date: 05 February 2021

Published Date: 08 February 2021

Corresponding Author: doratyagerry94@gmail.com

## **Perubahan Fungsi dan Seni Persembahan Kuntau di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak**

### ***The Functional Changes and Art of Kuntau Performance in Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak***

**Doraya Anak Gerry & Chemaline Anak Osup**

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

**To cite this article (APA):** Gerry, D., & Osup, C. (2021). Perubahan Fungsi dan Seni Persembahan Kuntau di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), 16-28. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.2.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.2.2021>

## **ABSTRAK**

Persembahan *Kuntau* merupakan sebuah kesenian rakyat masyarakat Iban di rumah panjang. *Kuntau* adalah seni membela diri daripada serangan musuh yang hanya dilakukan oleh kaum lelaki. Kebiasaannya kaum lelaki yang membawa *Kuntau* dipanggil sebagai bujang berani. Namun, setelah berlakunya perubahan zaman, persembahan *Kuntau* telah dipentaskan sebagai sebuah hiburan semasa hari perayaan iaitu Hari Gawai Dayak. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan perubahan fungsi yang melibatkan pandangan masyarakat Iban di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak. Selain itu, kajian ini untuk mengetahui seni persembahan *Kuntau* dari aspek persembahan pentas. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah reka bentuk kualitatif yang melibatkan kaedah temu bual dan rakaman video. Pengkaji telah membuat temu bual beberapa responden yang berpengaruh dikenali sebagai *Guro Kuntau*, tokoh budayawan dan ahli akademik. Dapatan kajian mendapati bahawa persembahan *Kuntau* telah berlaku perubahan yang melibatkan aspek bentuk dari segi fizikal yang memerlukan kekuatan tubuh pemain untuk melakukan pergerakan. Selain itu, muzik *taboh ajat* digunakan dalam tempoh yang cepat. Pengkaji mendapati pengajaran *Kuntau* pada masa kini bersifat struktur yang tidak melibatkan ritual. Penciptaan baharu dibentuk dengan gaya pentas yang mempunyai pola persembahan. Hal ini telah memperlihatkan persembahan *Kuntau* masih diamalkan sebagai satu hiburan pada masyarakat Iban meskipun telah berlaku perubahan sehingga kini.

**Kata kunci:** Kuntau, Perubahan Fungsi, Seni Persembahan

## **ABSTRACT**

*The Kuntau performance is a form of martial art of the Iban community in longhouses, performed only by the men who are called "bujang berani". However, as the years went by, the Kuntau is performed as a form of entertainment during festive seasons such as the Gawai Dayak festival. The purpose of this research is to elaborate the changes of function that involves the views of the Iban community in Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak. Besides that, the researcher wishes to know the performing arts that occurred to the Kuntau in the aspect of stage performance. In this research, the researcher used the qualitative research. The researcher interviewed a number of notable respondents such as the Guro Kuntau, cultural experts, and academicians. This research saw that there was a change in terms of the physical involving the strength of the performer's body when performing the moves, the music that uses the fast tempo taboh ajat. In addition, the researcher observed that the performance of the Kuntau occurred due to the perspective from the structure of teaching, the roles in terms of the new creation, and the show*

*in terms of place. This shows that the Kuntau is still performed as a form of entertainment to the Iban community even though there were changes made to it according to time.*

**Keywords:** *Kuntau, Changes of Function, Performing Arts*

## **PENGENALAN**

Pendapat Mohd Kipli Abdul Rahman (2010) yang dipetik oleh Geogory Kiyai, Noria Tugang dan Olivia Seer (2020), aktiviti seni persembahan boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang asing kerana istilah persembahan itu sendiri sukar untuk diterjemahkan secara mutlak ke dalam Bahasa Melayu. Namun, secara etimologi seni persembahan merujuk kepada pertunjukan, persembahan, perbuatan daya guna, prestasi, hasil dan permainan. Menurut mereka lagi berdasarkan kepada pendapat Schechner, Richard (2002), semua aktiviti sosial yang dilakukan meliputi amalan kehidupan seharian, kesenian, sukan, hiburan umum, teknologi, ritual tradisional (yang berhubung dengan kepercayaan agama dan tradisi) mahupun persembahan atau pertunjukan (teater, tari, muzik) merangkumi sejumlah besar aktiviti seni terutamanya tarian tradisional kerana pembentukan tarian tradisional adalah diwarisi secara turun temurun dan mengikut cerita rakyat khususnya dalam menyampaikan sebuah cerita melalui tarian.

Menurut Royce (1977), tari merupakan salah satu kesenian yang terawal di dunia. Begitu juga kesenian bagi masyarakat Iban di Sarawak yang mempunyai tari yang dipanggil sebagai *Ngajat* yang bermula sejak dahulu lagi. *Ngajat* sering dipersembahkan sebagai hiburan mahupun upacara ritual bagi masyarakat Iban di rumah panjang. Suatu ketika dahulu *ngajat* ditarikan oleh kaum lelaki Iban selepas berperang dan mereka ini dianggap sebagai *Keling* atau bujang berani dan *ngajat* ini juga untuk menyambut Hari Gawai kaum Iban sempena musim selepas menuai padi. *Ngajat* lebih menjurus kepada acara ritual dalam sesuatu penyembahan. Menurut Chemaline Osup (2015), *ngajat* terdapat beberapa jenis iaitu *Ngajat Induk*, *Ngajat Bebunuh*, *Ngajat Pua Kumbu*, *Ngajat Lesong*, *Ngajat Semain*, *Ngajat Berayah* dan *Ngajat Nyemai Antu Pala*. Keunikan *ngajat* memerlukan ketahanan serta penuh gaya imaginasi kerana menunjukkan kekuatan pahlawan Iban pada masa dahulu. Menurut Fransizca Baos (1958), budaya masyarakat dilihat melalui tari dalam memberi pengertian kepada etnologi tari. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, istilah tari dikenali sebagai *ajat* yang bermaksud menari.

Dari sudut pandangan sejarah, *Ngajat* Iban dianggap sebagai sebahagian daripada mempelajari kebudayaan dan adat. *Ngajat* Iban tidak mempunyai asal usul yang jelas jika dilihat pada sejarahnya kerana sehingga kini bukti hanya didapati melalui cerita daripada sumber lisan yang dipelajari daripada nenek moyang secara turun-temurun. Menurut Chemaline Osup (2015), *ngajat* telah diajar oleh *antu* yang dipanggil *Bujang Licin* dari keturunan *Panggau Libau* (dunia kayangan) dan *Bujang Lengain* di kawasan rumah panjang Iban pada zaman dahulu. Walau bagaimanapun, cerita ini dianggap sebagai satu legenda sahaja. Masyarakat dahulu berunsurkan semiotik iaitu simbol sebagai makna untuk menyampaikan maksud seperti dalam kesenian masyarakat Iban iaitu tarian sebagai salah satu alat permainan kerana dahulunya tiada hiburan yang boleh dipertontonkan. Dengan adanya kesenian seperti ini masyarakat dapat mengisi masa lapang mereka dengan berhibur antara satu sama lain. Masyarakat Iban di Sarawak mempunyai keunikan yang tersendiri iaitu mereka mempunyai satu kesenian yang disebut sebagai *Ngajat Semain*. *Ngajat Semain* merupakan salah satu tarian yang berbentuk hiburan kepada masyarakat Iban di rumah panjang. Di dalam *Ngajat Semain* ini terdapat beberapa jenis yang boleh dijadikan sebagai hiburan iaitu *Ngajat Punggai*, *Ngajat Ngetup Lesung*, *Ngajat Ngalu Temuai*, *Pencak* serta *Kuntau*. Umumnya bentuk gaya tari sukar difahami oleh masyarakat yang memiliki budaya tersebut kerana tari memperlihatkan ciri-cirinya yang tersendiri dan mendapat pengaruh baik secara (internal) dalaman mahupun (external) luaran oleh penduduk setempat. Pengaruh dalaman adalah berdasarkan pada aspek gerak tari yang meliputi bentuk persembahan secara visual atau daripada perspektif koreografi. Manakala pengaruh luaran berkaitan dengan aspek konstektual yang bersatu dalam dimensi sosial budaya masyarakat tempatan (Wahyuni et al., 2018; Denny Eko Wibowo dan Widyanarto, 2021). Oleh itu, sama seperti masyarakat Iban yang mempunyai bentuk gaya tari yang distrukturkan oleh tenaga pengajar untuk dipersembahkan mengikut kreativiti gerak yang direkannya sendiri.

Terdapat seorang atau sekumpulan penari yang akan membuat persembahan *ngajat* dan diiringi oleh satu muzik yang disebut sebagai *taboh*. Menurut Harry Fandinus, Imam Ghozali dan Asfar Muniir, (2019), istilah *taboh* merupakan bunyi muzik dengan teknik dan gaya permainan tertentu. Ini bermaksud teknik dan gaya permainan pada suatu jenis alat muzik, atau teknik dan gaya permainan untuk suatu komposisi itu sendiri seperti tarian. Antara alat muzik yang digunakan ialah *bebendai* (canang), *tawak* (gong), *ketebung* (menyerupai gendang) dan seterusnya *engkerumung* (keromong). Dengan adanya iringan *taboh* barulah persembahan *ngajat* dikatakan lengkap dan menarik. *Ngajat* sering kali dipersembahkan di rumah panjang dari satu rumah ke satu rumah terutamanya pada musim perayaan Hari Gawai Dayak. Dengan adanya persembahan *ngajat* sambutan tersebut akan menjadikan suasana di rumah panjang semakin meriah. Tambahan lagi jika ada tetamu yang kunjung datang masyarakat Iban akan mempersembahkan tarian *Ngajat Ngalu Ketemui* sebagai tanda hormat dan menerima tetamu yang datang dan ini selalunya dipersembahkan kepada golongan atasan seperti tetamu kehormat dan masyarakat lain yang datang mengunjung. Namun begitu, kajian ini dijalankan bagi mengetengahkan perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau* yang merupakan salah satu identiti kepada masyarakat Iban di Sarawak sehingga kini. Kebudayaan ini tidak boleh dilenyapkan kerana ia adalah turun temurun daripada nenek moyang yang harus dipelihara dan dipelajari supaya tidak pupus meskipun terdapatnya perubahan. Masyarakat Iban sendiri menganggap bahawa *Kuntau* ini adalah hiburan kepada mereka dan masyarakat lain. Oleh itu, *Kuntau* telah menjadi satu bentuk persembahan dan digunakan sebagai satu simbolik hiburan masyarakat Iban kepada tetamu yang datang mengunjung dan kepada masyarakat Iban di rumah panjang.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Melihat pada era masa kini banyak kesenian telah melalui fasa perubahan dari aspek fungsi dan seni persembahan. Hal ini telah berlaku dengan pengubahan *Kuntau*. Jika dilihat *Kuntau* dari aspek tradisi merupakan sebuah seni pertahanan diri dalam masyarakat Iban, namun *Kuntau* kini telah dijadikan hiburan di kampung terutamanya semasa musim perayaan. Permasalahan ini timbul semasa pengkaji membuat tinjauan di Kampung Bayur, Sarawak. Majoriti, masyarakat Iban di Kampung Bayur telah banyak berhijrah ke bandar dan anutan dalam ilmu *Kuntau* semakin berkurangan dari segi sambutan terutamanya pada golongan remaja. Secara tidak langsung, masalah timbul terhadap ilmu *Kuntau* semakin berkurang sehingga menyebabkan keasliannya akan terjejas.

Permasalahan yang signifikan terhadap *Kuntau* adalah perubahan fungsi pada masyarakat Iban di Kampung Bayur terutamanya dari sudut kepercayaan agama. Dalam hal ini, perkara yang jelas berlaku adalah bentuk ritual itu terjejas ketika seseorang yang belajar ilmu *Kuntau* dalam aspek perjalanan. Ketika menguasai ilmu *Kuntau*, upacara ritual merupakan kekuatan bagi menguasai ilmu yang dimiliki namun masyarakat Iban yang mempunyai kepercayaan agama menganggap bahawa ritual tersebut tidak logik lagi untuk digunakan. Hal ini menyebabkan permasalahan yang timbul kepada generasi baharu apabila ingin menguasai ilmu *Kuntau* yang sepatutnya. Di samping itu, *Kuntau* semakin kurang diamalkan disebabkan dari aspek seni persembahan dan masyarakat Iban di Kampung Bayur lebih minat menjadikan *Kuntau* sebagai hiburan tetapi bukan sebagai seni pertahanan diri. Tambahan lagi, golongan muda masyarakat Iban di Kampung Bayur kini kurang minat dalam menuntut ilmu *Kuntau* secara asli dan mereka lebih minat membuat persembahan *Kuntau* secara terbuka dan menjadikan sebagai satu persembahan hiburan kepada orang ramai. Hal ini akan membimbangkan lagi jika berlaku bentuk *Kuntau* tersebut semakin kabur pengstrukturannya dalam persembahan. Selain itu, permasalahan yang timbul adalah kekurangan rujukan terhadap *Kuntau* menyebabkan pengkaji menjalankan kajian ini lebih terperinci dan tepat terhadap *Kuntau*. *Kuntau* juga kurang dihasilkan oleh koreografer-koreografer yang profesional terutamanya di Semenanjung mahupun di Borneo. Tambahan pula, *Kuntau* jarang sekali dipersembahkan dan hanya masa tertentu sahaja seperti musim perayaan menyebabkan pengkaji sukar untuk mencari maklumat *Kuntau* dengan lebih lanjut. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengenalpasti perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau* yang disemaikan dalam diri masyarakat di Kampung Bayur. Perspektif secara antropologi diambil untuk melihat pengaruh sosial masyarakat Iban. Jika ditelusuri penggolakan masa dan perubahan sesebuah tamadun meninggalkan makna yang mendalam, tidak hairanlah perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau* berlaku terutamanya dari

sudut perspektif masyarakat Iban, dan dengan itu menegaskan membenarkan bagi untuk satu pendekatan yang menyeluruh dengan pandangan lain perlu dikaji secara ilmiah dan menyeluruh tanpa menjejaskan makna *Kuntau* yang sebenar meskipun perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau* berlaku.

## **KAJIAN LITERATUR**

Pendapat Haslinda Md. Nazri (2018), terhadap kepercayaan orang Iban yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi tidak pernah berubah dari segi konsep, pemahaman dan prinsipnya. Namun pada masa kini sebahagian besar orang Iban telah menganuti agama Kristian. Walaupun berlaku perubahan, tetapi mereka yang tidak menganuti apa-apa agama masih taat dan setia mengamalkan kepercayaan tradisonal yang dipanggil *Pengarap Lama*. Menurut kepercayaan ini *Petara* (Tuhan) memang wujud. Ia disembah dan dipuja melalui ritual-ritual yang dilakukan. Ini bermakna prinsip asas kepercayaan tradisonal, adat dan kebudayaan Iban dapat dikaji hingga ke legenda *Kree Raja Petara* atau Raja Semua Raja, *Senggala Burung*, *Sempulang Gana* dan *Puntang Raja* yang berfungsi sebagai pesuruh utama *Petara* kepada orang Iban pada masa dahulu. Tambahan pula pendapat Gregory Kiyai (2019), unsur animisme telah membuatkan manusia percaya akan adanya kehidupan di alam lain selepas kematian. Idea tentang alam kematian ini sudah wujud beribu ribu tahun dahulu, bagi masyarakat purba, alam kematian adalah kemuncak dalam hidup mereka yang penuh dengan pemikiran mistik dan supernatural. Gregory Kiyai (2019) menegaskan lagi bahawa dalam Tamadun India dan Mesir Purba (2000 SM) melihat bahawa alam kematian adalah hari pengadilan akan perbuatan mereka semasa masih hidup. Dalam masyarakat Iban, mereka percaya akan kehidupan selepas kematian. Kepercayaan ini di gambarkan dengan konsep kewujudan dunia lain yang disebut sebagai *sebayan*. Ini bermakna kepercayaan Iban terhadap *sebayan* sangat kuat kerana kuasa yang luar biasa dapat diperolehi daripada *sebayan* menyebabkan masyarakat Iban mewujudkan satu budaya yang disebut sebagai kuasa ghaib atau kekuatan ghaib.

Dari aspek kaum dan budaya, setiap kelompok masyarakat mempunyai budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Warisan budaya merujuk kepada simbol-simbol yang bermakna dan mempunyai hubungan dengan individu dengan individu lain. Pendapat Hanizah Jukim, Azlin Iryani Mohd Noor dan Abdul Aziz Zalay@ZaliTaylor (2020) dalam Cho Minsung dan Puteri Roslina (2016) mentakrifkan budaya sebagai “*That complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom and any other capabilities and habits by man as a member of a society.*” bermaksud budaya dapat merangkumi pelbagai segala amalan dan warisan yang dimiliki oleh sekelompok masyarakat. Budaya turut mempunyai perubahan sesuai dengan keadaan dan norma masyarakat yang terkini kerana budaya tidak statik, ia terus berkembang selaras dengan kemajuan masyarakat, ia menjadi satu sistem hidup yang terbentuk mengikut cara hidup masyarakat. Pendapat Numpang (1998), Malaysia mempunyai pelbagai etnik, budaya dan bangsa khususnya di Sarawak. Suku kaum Iban ialah penduduk pribumi yang terbanyak di Sarawak yang dikenali sebagai Bumi Kenyalang. Pada zaman pemerintahan Rajah Brooke, Sarawak disebut sebagai Bumi Pematang Kepala. Negeri Sarawak mempunyai 23 etnik utama dan berpuluh-puluh lagi suku kaum pribumi kecil-kecil yang kesemuanya menganut pelbagai agama, kepercayaan dan mempunyai adat resam serta budaya masing-masing menuturkan bahasa dan dialek yang berbeza-beza mengikut daerah-daerah kediaman mereka di kawasan luar Bandar pendalaman. Terdapat dua puluh tiga etnik bumiputera yang paling utama di Sarawak. Antaranya Dayak Iban (Iban Skrang, Iban Miri-Bintulu-Limbang, Iban Saribas, Iban Batang Rajang, Iban Undop, Iban Lemanak dan Iban Malikin), Melanau (Seduan, Segalang, Belium, Bintulu, Segahan, Matu/Mato Daro, Oya, Mukah, Rejang, Igan, Siteng, Tatau, Balingian, Kanowit, Sekapan, Kejaman, Lahuna, Banyok), Bidayuh (Orang Biatah, Bukar-Sadong, Bau-Singghi-Jagoi, Selakau dan Lara, Kenyah (Orang Batu Biah, Murik, Lisong, Sebob, Sipang, Long Kipat, Lepu Aga, Lepu Tau, Nyamok dan Uma Kulit), Melayu, Kedayan, Belait, Sebuyau, Kayan, Punan, Penan (Kumpulan yang masih Nomadik), Tebun, Bukat/Ukit, Bisaya, Baketan, La'en, Tagal, Sian/ Sa'an, Lugat, Lisum, Kelabit, Lun Bawang/ Lun Dayeh (Murut). Kumpulan-kumpulan ini tinggal di kawasan tanah rendah dan bahagian darat, kawasan tanah tinggi dan kawasan pesisir. Masyarakat Dayak Iban tradisional adalah penduduk pribumi yang paling dominan di Sarawak, diikuti oleh Dayak Bidayuh, kaum Melayu-Melanau dan lain-lain kumpulan etnik di atas yang dikenali sebagai Orang Ulu. (Numpang, 1998).

Tambahan pula menurut Geogory Kiyai dan Noria Tugang (2020) masyarakat Iban di Sarawak memiliki reencam budaya yang begitu dinamik dan komprehensif. Mereka mempunyai daya intelektual yang tinggi dalam mewujudkan adat, budaya dan warisan bagi membentuk identiti dan jati diri. Elemen-elemen budaya ini terus wujud dan sentiasa berkesinambungan dalam masyarakat Iban kerana diwarisi dari generasi ke generasi. Walaupun mengalami beberapa perubahan dari segi fungsi, material dan falsafah budaya dalam konteks adat istiadat, kewujudan artifak-artifak budaya ini masih boleh dilihat, disentuh dan dihayati dalam segenap rumah panjang masyarakat Iban di Sarawak. Seterusnya aspek sejarah *Kuntau*, berdasarkan daripada responden 1 (2015), *Kuntau* merupakan sebuah kesenian masyarakat Iban di rumah panjang sebagai seni mempertahankan diri daripada serangan musuh dan maksud *Kuntau* juga ialah Garang. Istilah *Kuntau* iaitu berasal dari perkataan cina dalam bahasa Hokkien iaitu *Kuntao*. Namun istilah ini tidak bererti bahawa *Kuntau* masyarakat Iban ini berasal dari China. Hal ini demikian kerana asal usul *Kuntau* belum lagi ditemui dan hanya berdasarkan cerita sahaja. *Kuntau* hanya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Biasanya lelaki yang membawa *kuntau* ini dipanggil sebagai *bujang berani*. Selain daripada mempertahankan diri *Kuntau* sebenarnya adalah untuk berlawan dengan musuh. Biasanya *Kuntau* dipelajari di satu tempat yang disebut sebagai *Kelang*. Sewaktu ketika dahulu *Kelang* merupakan satu kawasan untuk belajar *Kuntau*. Tempat *Kelang* adalah di tanah, babas, kampung puang. Setelah *Kelang* dibersihkan *Guro* (Guru) akan membuat pagar mengikut adat lama. Bahan yang digunakan oleh *Guro* adalah seperti paku lawang yang diletakkan 4 penjuru dan dimasukkan ke dalam tanah. Paku lawang tersebut akan dijampi oleh *Guro* terlebih dahulu sebelum mengarahkan pelajar untuk memasuki kelang tersebut. Responden 1 juga menyatakan bahawa individu yang tidak mempunyai kaitan ataupun hanya sekadar melihat pengajaran *Kuntau* tidak dibenarkan memasuki bahagian *kelang*. Hal ini demikian kerana individu tersebut akan mendapat musibah. Oleh itu, individu yang bukan pelajar *Kuntau* seharusnya meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum memasuki *kelang*.

Asal usul *Kuntau* belum lagi dijumpai namun berdasarkan daripada responden 2 (2015) mengatakan bahawa *Kuntau* ini datang daripada *antu* dimana pelajar yang menuntut ilmu *Kuntau* ketika berada di hutan atau *Kampung Puang* menuntut sehingga mencapai hajat mereka dengan bertapa dan setelah mereka berjaya dalam pelbagai cubaan itu mereka akan diberi ilmu sepenuhnya dan secara langsung akan disebut dan dilantik sebagai *Guro Kuntau*. Mengikut kepercayaan, semasa berada di dalam hutan tersebut satu upacara yang dipanggil *miring* dilakukan untuk diberikan kepada roh-roh atau disebut sebagai *antu* sebagai satu persembahan yang mengandungi makanan tradisi seperti telur, bertih, beras, ayam jantan, penyaram, penganan dan rokok semakau untuk santapan. Sebelum mempelajari *Kuntau*, pelajar akan berjumpa dengan *Guro* terlebih dahulu untuk membuat satu lagi proses awal. Pelajar akan diberi mandi dengan air kelapa, mata akan dititiskan dengan air limau nipis sambil dijampi oleh *Guro Kuntau*. Tujuan proses ini dilakukan supaya pelajar *Kuntau* lebih fokus dan menguji ketahanan badan setiap pelajar. Setelah kesemua proses dilakukan oleh *Guro*, pelajar memulakan latihan pada sebelah petang selama 2 jam dan tempoh latihan adalah seminggu 2 kali. *Kuntau* dipelajari lebih kurang selama sebulan dan ke atas mengikut kepantasan dan kecekapan setiap pelajar yang mempelajarinya. Namun sekiranya pelajar tersebut tidak menghabiskan pembelajarannya, pelajar itu tidak akan berhasil mendapatkan kekuatan pada dirinya sendiri.

Pelajar yang menuntut ilmu *Kuntau* akan membuat satu perjanjian dengan *Guro Kuntau* dimana mereka berjanji tidak akan menyalahgunakan ilmu *Kuntau* terutamanya untuk bergaduh, hasad dengki, angkuh dan sebagainya selagi mereka tidak dipaksa untuk berlawan. Pelajar tersebut akan berjanji menjaga ilmu *Kuntau* sebagai satu seni pertahankan diri dan sebagai satu latihan bagi kekuatan sebagai seorang lelaki dan akan diperturunkan kepada generasi seterusnya (Solomon Achu, 2015). Namun sekiranya pelajar tersebut melanggar janji pada *Guro Kuntau*, pelajar tersebut tidak dianggap sebagai bujang berani tetapi dianggap sebagai seorang pelajar *Kuntau* yang tidak berwibawa dan patuh pada *Guro* dan tidak diajar lagi langkah yang seterusnya agar keangkuhan dalam dirinya tidak bertambah dan mewujudkan pergaduhan antara pelajar *Kuntau* yang lain. (Responden 3, 2015). Seterusnya, *Kuntau* dikatakan datangnya daripada *ajat*. Menurut kepercayaan masyarakat Iban dahulu *Kuntau* sering digunakan untuk bertarung antara satu sama lain dan dipersembahkan di khalayak ramai sebagai satu persembahan kepada masyarakat Iban di kampung di tengah-tengah *kelang*. Setiap pelajar yang bertarung akan membawa seekor ayam jantan dan dibunuh di tengah-tengah *kelang* sebagai satu upacara ritual selepas bertarung. Ayam jantan tersebut akan dibunuh pada bahagian leher dan akan dilepaskan. Semakin

jauh ayam tersebut berlari semakin jauh ilmu yang dituntut oleh pelajar *Kuntau*. Pada masa yang sama pelajar mana yang memiliki ayam jantan yang berada lebih jauh, pelajar itu akan dianggap hebat dan gagah dan akan diarahkan oleh *Guro Kuntau* untuk mempersembahkan *Kuntau* di hadapan orang ramai (Responden 4, 2015). Perubahan kepada budaya dan seni dalam sesebuah masyarakat adalah disebabkan oleh peredaran zaman. Ini bermakna warisan budaya yang dihasilkan oleh manusia atau masyarakat boleh mengalami masalah kehilangan, kepupusan dan kerosakan (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2018). Sama seperti seni persembahan *Kuntau* di Sarawak, perlu dijaga dan dipelihara agar dapat diteruskan oleh generasi akan datang. Hal ini demikian kerana untuk mengekalkan budaya dan identiti dalam kalangan masyarakat Iban terutamanya dari aspek seni pertahanan diri.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Menurut Chua Yan piaw (2014, p. 8), reka bentuk kajian kualitatif sesuai untuk kes-kes yang memerlukan pemerhatian teliti berdasarkan fenomena sekeliling. Tambahan pula penyelidikan kualitatif merupakan satu kaedah sistematik bagi menerangkan, memerhati, mengdokumentasi, temubual, memahami dan menyelidiki corak hidup serta budaya sesebuah masyarakat (Gregory Kiyai, 2019). Memandangkan kajian ini bersifat kajian kes untuk mengumpul data secara terus dengan membuat temu bual dan membuat rakaman untuk mendapatkan maklumat tentang perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau*. Proses kajian kualitatif ini bermula dengan pemilihan topik utama dan seterusnya mengemukakan objektif kajian bagi menyokong topik yang telah dipilih. Proses seterusnya ialah pengumpulan data yang berkaitan dengan topik. Hasil daripada dapatan kajian, teori dan konsep utama. Melalui teori dan konsep sudah ditentukan, maka proses seterusnya adalah melakukan penulisan dalam penemuan data dan membuat kesimpulan.

## **TEMU BUAL**

Temu bual didefinisikan sebagai wawancara yang melibatkan satu proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang atau satu kumpulan kecil secara bersemuka serta melakukan soal jawab atau berkomunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang (Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, 2018, p. 507). Pengkaji menggunakan soalan temu bual jenis separa berstruktur kerana pengkaji mempunyai kebebasan untuk menanyakan soalan yang lebih mendalam supaya mendapat jawapan yang hendak dikaji. Pengkaji menemu bual 6 responden untuk mencapai objektif yang dikehendaki. Setelah menemu bual pengkaji akan merekod semua perbualan untuk dijadikan sebagai dapatan yang akan ditranskripsi semula mengikut ayat yang mudah difahami.

## **RAKAMAN VIDEO**

Dalam kajian ini rakaman video digunakan untuk merakam video persembahan *Kuntau*. Rakaman ini juga berfungsi sebagai dilihat gaya pergerakan yang dilakukan oleh *Guro Kuntau* semasa mempersembahkannya. Selain itu, rakaman video digunakan sebagai mengisi dapatan yang diingini oleh pengkaji. Proses kajian ini berpandukan tiga persoalan iaitu: (1)Apakah bentuk persembahan *Kuntau*? (2) Bagaimanakah perubahan fungsi persembahan *Kuntau* berlaku? (3) Bagaimanakah seni persembahan *Kuntau*? Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah temu bual semi-berstruktur dan membuat rakaman audio dan video. Pengumpulan data dijalankan melalui dua fasa iaitu fasa pertama pengkaji menemu bual 4 orang yang berpengetahuan dalam *Kuntau* dan 2 orang *Guro Kuntau*. Fasa kedua ialah memudah alih data secara transkripsi dan melihat semula video yang dirakam. Semua dapatan kajian melalui pengumpulan data ini telah dianalisis secara manual dengan membuat transkrip melalui rakaman daripada telefon pintar (Chuan Yan Piaw, 2014).

## DAPATAN KAJIAN

### Perubahan bentuk persembahan Kuntau

Bentuk merupakan satu titik pertemuan antara ruang dan waktu. Hal ini selaras dengan bentuk dalam persembahan yang memberi penekanan kepada empat elemen asas, iaitu tubuh badan, ruang, masa, dan tenaga. Persembahan *Kuntau* mempunyai bentuk persembahannya yang tersendiri dari segi tubuh badan, ruang, masa dan tenaga setelah berlakunya perubahan. Selaras dengan peredaran zaman, *Kuntau* telah berubah secara perlahan. Hal ini jelas terbukti apabila perubahan telah berlaku di Kampung Bayur yang menjadikan persembahan *Kuntau* sebagai satu permainan dalam adat mereka. Responden 1, dalam temu bual, *Kuntau* mengalami banyak perubahan terutamanya adanya seni pertahanan diri seperti taekwondo, silat dan seni pertahanan diri yang lain. Dari segi masa, persembahan *Kuntau* kini hanya mengambil masa yang singkat dalam mempelajari gerak secara tidak langsung gerak yang dipelajari hanyalah asas sahaja tidak seperti dahulu gerak *Kuntau* dipelajari dengan lebih banyak masa yang menggunakan sepenuh tenaga daripada *Guro* dan pelajar. Tambahan lagi, ruang untuk mempelajari *Kuntau* juga turut berubah dimana tempat asalnya iaitu di kampung puang atau kelang tidak lagi digunakan tetapi menggunakan tempat seperti ruai, tengah-tengah pasar, dan halaman rumah. Oleh itu, secara tidak langsung perubahan dari aspek bentuk, peranan dan pementasan telah berlaku di Kampung Bayur.

Berikut adalah dapatan kajian yang menjelaskan perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau* oleh responden (R1):

R001	Kod 1	Kod Terakhir
<p>“...yang menguasai ilmu <i>Kuntau</i> sepenuhnya akan diberikan satu anugerah dan dipanggil sebagai bujang berani. Namun kini telah berlaku perubahan dalam bentuk menguji kesetiaan fizikal seseorang pelajar, kerana hanya segelintir sahaja yang minat untuk mempelajari kuntau tambahan lagi generasi muda lebih cenderung dengan kemodenan seperti kelab-kelab seni pertahanan diri yang lain terutamanya generasi muda di kampung Bayur...”</p>	<p>“ilmu Kuntau”</p> <p>“moden”</p>	<p>Perubahan daripada perspektif golongan muda dalam mempelajari <i>Kuntau</i>.</p>

Jadual 1.1 Perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau*

Jadual 1.1 menunjukkan perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau* dari aspek pandangan golongan muda yang lebih berminat kepada cara moden seperti melibatkan diri dalam kelab-kelab seni pertahanan diri yang dianjurkan di luar mahupun di sekolah. Dapatan kajian yang dilaksanakan mendapati hanya segelintir sahaja yang masih berminat dalam mempelajari *Kuntau* dengan *Guro Kuntau* yang berpengalaman. Hal ini demikian kerana golongan muda takut untuk menghadapi cabaran yang diberi terutamanya dalam menguji ketahanan fizikal mereka seperti yang telah dikatakan dalam temu bual bersama responden 1, mempelajari *Kuntau* bukan satu yang mudah perlu mempunyai jiwa yang kental agar tidak *alah laban penguji* (tidak kalah berhadapan dengan tentangan). Oleh itu, perubahan fungsi dan seni persembahan dapat dikenalpasti dari aspek perspektif golongan muda khususnya kaum lelaki.

### Perubahan Bentuk (Fizikal)

Dahulu pelajar *Kuntau* yang menguasai ilmu *Kuntau* sepenuhnya akan diberikan satu anugerah dan dipanggil sebagai *bujang berani*. Namun kini telah berlaku perubahan dalam bentuk menguji kesetiaan fizikal seseorang pelajar, kerana hanya segelintir sahaja yang minat untuk mempelajari *Kuntau* tambahan lagi generasi muda lebih cenderung dengan kemodenan seperti kelab-kelab seni pertahankan diri yang lain terutamanya generasi muda di Kampung Bayur. Dalam temu bual dengan responden 2 yang merupakan generasi muda di Kampung Bayur sekaligus seorang generasi penerus *Kuntau*, ketangasan fizikal dalam menguasai *Kuntau* tidak sama dengan tenaga pelajar *Kuntau* yang menuntut ilmu *Kuntau* sewaktu ketika dahulu. Tenaga yang dikeluarkan lebih kepada teknik pergerakan *Kuntau* yang telah distruktur oleh *Guro Kuntau*, berbanding dahulunya kekuatan fizikal dalam melakukan pergerakan *Kuntau* dilakukan dengan penuh tenaga malahan pelajar yang melakukan pergerakan tersebut membuat gerak tanpa sedar kerana dikuasai oleh roh setelah jampi dibaca semasa dihutan mengikut hajat pelajar itu sendiri.

Jadual 1.2 menunjukkan temu bual bersama responden (R2):

R2	Kod 1	Kod Terakhir
<p>“...dari segi ketahanan fizikal pelajar <i>Kuntau</i> amat berbeza dengan ketahanan pelajar yang lain kerana apabila belajar <i>Kuntau</i> termasuk saya sendiri banyak sangat halangan yang perlu ditempuh untuk mendapatkan ilmu secukupnya, hal itu saya tidak berapa minat meskipun saya seharusnya menjadi generasi penerus <i>Kuntau</i>...”</p>	<p>“perbezaan ketahanan”</p> <p>“halangan”</p> <p>“tidak minat”</p>	<p>Tidak berani dalam menempuh cabaran dengan mempelajari ilmu <i>Kuntau</i>.</p>

Jadual 1.2 Minat terhadap *Kuntau*

Jadual 1.2 menjelaskan bahawa responden 2 kurang minat dalam mempelajari *Kuntau* oleh kerana tidak berani menempuh cabaran semasa mempelajari *Kuntau* dengan mendalam. Perubahan ini berlaku disebabkan oleh perasaan takut golongan muda mempertahankan diri dengan ilmu yang sedia ada dan memberi impak baik pada diri dan masyarakat.

### Perubahan Bentuk (Muzik)

Dari segi alat muzik, dahulu *Kuntau* tidak menggunakan sebarang bunyi kerana ianya adalah sebuah seni pertahankan diri yang dipelajari di sebuah hutan atau *Kampung Puang* atau *Klang* yang memerlukan fokus tanpa ada sebarang gangguan bunyi agar pelajar dapat memberi perhatian semasa *Guro Kuntau* memberikan penerangan terhadap setiap pergerakan. Dapatan kajian dalam temu bual responden 1, perubahan dalam bentuk telah berlaku terutama adanya muzik ditambahkan dalam persembahan *Kuntau* sebagai hiburan kepada masyarakat Iban di Kampung Bayur. Hal ini demikian kerana dengan adanya muzik persembahan *Kuntau* dikatakan lebih menarik apabila dipersembahkan kepada penonton. Antara alat muzik yang digunakan ialah *tawak*, *engkerumung*, *bebendai* dan *ketebung* (menyerupai gendang). Bunyi yang dihasilkan lebih kasar dan laju kerana mengikut gerak *Kuntau* dilihat lebih pantas berbanding gerak lain. Berikut adalah gambar alat-alat muzik yang digunakan semasa persembahan *Kuntau*:





**Gambar 1.1** Alat muzik yang digunakan semasa persembahan Kuntau.  
*Foto kredit: Doratya (2015)*

### Seni persembahan *Kuntau* (Perspektif Struktur)

Selain itu, perubahan daripada perspektif bentuk dari sudut pandangan struktur. Struktur merujuk kepada hubungan yang wujud antara sebahagian daripada keseluruhan. Menurut Royce (1977), struktur juga sangat penting untuk membezakan morfologi kerana sering silih berganti dan tidak merujuk kepada kelas yang sama tentang semua perkara. Morfologi adalah berkenaan dengan hubungan antara bentuk. Martin dan Pesovar (1961), membuat kenyataan untuk mengetahui hubungan morfologi untuk menstrukturkan sesuatu kajian. Pada mulanya, mereka berkata perubahan tarian boleh didedahkan hanya dengan menyelesaikan keseluruhannya ke dalam bahagian-bahagian komponen. Berdasarkan daripada responden 1 (2015), bentuk persembahan *Kuntau* kini telah berubah disebabkan bentuk yang telah distrukturkan oleh *Guro-guro Kuntau* yang moden kerana semasa mereka mengajar *Kuntau* kepada generasi moden, *Guro-guro* akan menerangkan satu persatu langkah demi langkah yang harus dilakukan oleh para pelajar berbanding dahulu bentuk yang dipelajari adalah berdasarkan pemerhatian seorang pelajar sambil membuat gerak bersama-sama *Guro Kuntau* tersebut sambil *jampi* dilakukan oleh *Guro Kuntau* itu. Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa perubahan bentuk pada persembahan *Kuntau* telah berubah disebabkan peredaran zaman dan distruktur semula oleh *Guro Kuntau* itu sendiri terutamanya di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak. Perubahan berlaku disebabkan ramai generasi muda tidak lagi berminat untuk mempelajari *Kuntau* dengan lebih mendalam kerana bagi mereka pembelajaran ilmu *Kuntau* mengalami banyak proses dan mengambil masa yang lama terutamanya apabila mereka mempelajari *Kuntau* di sebuah *kelang*. Tambahan lagi *Guro* yang mengajar *Kuntau* di sebuah *kelang* amat menitikberatkan disiplin dan ketekunan seseorang pelajar supaya ilmu yang dituntut tidak salah digunakan dan langkah yang dilakukan dengan cara yang betul dan teliti.

### Perubahan bentuk, peranan, dan pementasan

Secara amnya, perubahan budaya merujuk kepada satu proses yang dinamik iaitu budaya hidup daripada dunia yang sedang berubah dan menyesuaikan diri dengan daya luaran atau dalaman. Proses ini berlaku dalam kedua-dua bentuk iaitu barat dan bukan barat, budaya tamadun dan budaya dunia. Idea-idea yang muncul dalam perubahan budaya digambarkan melalui penglibatan penjajahan, globalisasi, kemajuan dalam komunikasi, pengangkutan dan penambahbaikan infrastruktur, dan pengembangan tentera. Sinonim dengan perubahan yang berlaku pada persembahan *Kuntau* dalam masyarakat Iban di Kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak. Hal ini dapat merungkai perubahan budaya terutamanya dari aspek bentuk, peranan dan pementasan. Sebelum berlakunya perubahan dalam pementasan, *Kuntau* dahulunya sering dipersembahkan di sebuah *kelang*. *Kelang* merupakan sebuah tempat yang digunakan oleh pelajar yang menuntut ilmu *Kuntau* yang berupa sebuah tanah, hutan atau lebih dikenali sebagai *kampung puang*. Dalam temu bual dengan responden 1, *kelang* adalah sebuah tempat yang sangat dekat dengan jiwa pelajar *Kuntau* dalam erti kata lain, ianya adalah nyawa bagi penuntut ilmu *Kuntau* bermula dari seorang yang tidak berani sehingga menjadi seorang pahlawan dalam menguasai *Kuntau* sekaligus akan menjadi

contoh kepada pelajar yang seterusnya akan terapkan sebagai bakal pengganti *Guro Kuntau*. *Kelang* dahulunya sangat dititikberatkan dari sudut kebersihan. Hal ini demikian kerana *Guro* akan membawa mantra atau jampi terlebih dahulu sebelum memanggil para pelajar untuk memasuki *kelang*. Setelah *kelang* dibersihkan *Guro* akan membuat pagar mengikut adat lama. Bahan yang digunakan oleh *Guro* adalah seperti paku lawang yang diletakkan 4 penjuru dan dimasukkan ke dalam tanah. Paku lawang tersebut akan dijampi oleh *Guro* terlebih dahulu sebelum mengarahkan pelajar untuk memasuki *kelang* tersebut. Menurut responden 1 individu yang tidak mempunyai kaitan ataupun hanya sekadar melihat pengajaran *Kuntau* tidak dibenarkan memasuki bahagian *kelang*. Hal ini demikian kerana individu tersebut akan mendapat musibah. Oleh itu, individu yang bukan pelajar *Kuntau* seharusnya meminta kebenaran terlebih dahulu sebelum memasuki *kelang*. Perubahan berlaku disebabkan ramai generasi muda tidak lagi berminat untuk mempelajari *Kuntau* dengan lebih mendalam kerana bagi mereka pembelajaran ilmu *Kuntau* mengalami banyak proses dan mengambil masa yang lama terutamanya apabila mereka mempelajari *Kuntau* di sebuah *kelang*. Tambahan lagi *Guro* yang mengajar *Kuntau* di sebuah *kelang* amat menitikberatkan disiplin dan ketekunan seseorang pelajar supaya ilmu yang dituntut tidak salah digunakan dan langkah yang dilakukan dengan cara yang betul dan teliti.

Pementasan persembahan *Kuntau* kini lebih banyak dilakukan di *ruai*, tengah-tengah pasar dan gelanggang biasa sahaja. Hal ini demikian kerana *Kuntau* dijadikan sebagai hiburan sekaligus memperkenalkan budaya yang ada pada masyarakat Iban. Bagi masyarakat Iban di Kampung Bayur, *Kuntau* sering dipersembahkan ketika musim perayaan hari gawai dayak dan majlis perkahwinan. Persembahan *Kuntau* biasanya akan menjadi satu persembahan kemuncak dalam sebuah majlis dan akan menarik perhatian penonton apabila penari tersebut akan mengajak penonton untuk membuat gerak bersama-sama. Berdasarkan responden 3 (2015), secara tidak langsung penonton dapat mempelajari gerak *Kuntau* meskipun dilakukan secara tidak lengkap langkah dan gerak yang sepatutnya tetapi masih dapat memperlihatkan budaya masyarakat Iban yang mempunyai kesenian tersendiri seperti masyarakat lain. Bagi masyarakat Iban di Kampung Bayur, *Kuntau* sering dipersembahkan ketika musim perayaan hari gawai dayak dan majlis perkahwinan. Persembahan *Kuntau* biasanya akan menjadi satu persembahan kemuncak dalam sebuah majlis dan akan menarik perhatian penonton apabila penari tersebut akan mengajak penonton untuk membuat gerak bersama-sama. Responden 1 (2015) mengatakan secara tidak langsung penonton dapat mempelajari gerak *Kuntau* meskipun dilakukan secara tidak lengkap langkah dan gerak yang sepatutnya tetapi masih dapat memperlihatkan budaya masyarakat Iban yang mempunyai kesenian tersendiri seperti masyarakat lain.

Pementasan persembahan *Kuntau* juga dijadikan sebuah tayangan sebagai satu permainan masyarakat Iban khususnya di Kampung Bayur. Dalam temu bual responden 1 (2015), pementasan persembahan *Kuntau* dijadikan satu permainan kepada golongan masyarakat Iban di Kampung Bayur. Hal ini jelas terbukti semasa berlakunya perayaan hari gawai dayak dimana penduduk kampung membuat satu kumpulan untuk mempersembahkan *Kuntau* dan mencari kumpulan yang lebih tangkas dan lama membuat persembahan *Kuntau* dan akan diberikan hadiah. Peranan persembahan *Kuntau* telah berubah disebabkan permintaan daripada masyarakat Iban untuk menjadikannya sebagai satu permainan adat lama dan sebagai hiburan kepada tetamu yang datang mengunjungi kampung ataupun masa musim perayaan terutamanya pada penduduk kampung Bayur. Responden 2 (2015), sebagai generasi muda, pandangan beliau terhadap peranan persembahan *Kuntau* adalah sebagai sebuah permainan untuk menghiburkan diri dan orang lain terutamanya di musim perayaan hari Gawai dan majlis perkahwinan atau majlis formal semasa menyambut tetamu kehormat yang mengunjungi Kampung Bayur.

Gambar 1.2 memperlihatkan persembahan *Kuntau* sebagai hiburan semasa hari perayaan Gawai di Kampung Bayur, Sarawak:



**Gambar 1.2** Persembahan *Kuntau* semasa perayaan Gawai.  
*Foto kredit: Doratya Gerry (2015)*

Dari aspek perubahan persembahan *Kuntau* itu sendiri mempunyai bentuk perubahan. Terdapat tiga komponen penting yang harus dilihat dalam persembahan *Kuntau* iaitu dari aspek ruang, waktu dan masa. Wajarlah melalui tiga komponen tersebut masyarakat Iban di kampung Bayur, Balai Ringin, Sarawak mewarisi *Kuntau* dalam bentuk persembahan meskipun ritual dalam mempelajari *Kuntau* tidak lagi dijalankan seperti dahulu. Secara terperinci tentang perjalanan persembahan, *Kuntau* adalah satu bentuk seni pertahankan diri bagi masyarakat Iban di kampung Bayur terutama sekali adanya upacara ritual sebagai satu permulaan bagi menuntut ilmu *Kuntau*. Semasa menuntut ilmu *Kuntau*, perkara pertama yang perlu dilihat ialah upacara *miring* sebelum memulakan perjalanan dan waktu yang sesuai untuk menjalankan upacara tersebut. Hal ini dapat dilakukan dengan menunggu arahan daripada *Guro Kuntau* agar perjalanan tersebut boleh dijalankan dengan lancar. Setelah selesai upacara *miring* dilakukan barulah *Guro Kuntau* akan membenarkan penuntut ilmu *Kuntau* atau pelajar boleh melakukan perjalanan menuntut ilmu *Kuntau* ke hutan atau *Kampung Puang*.

Namun kini, perubahan telah berlaku disebabkan pandangan masyarakat Iban di kampung Bayur yang semakin maju dalam dunia pemikiran serta pengaruh agama yang mereka anuti. Tambahan lagi, generasi muda masyarakat Iban di kampung Bayur lebih cenderung menonton persembahan *Kuntau* yang dipersembahkan semasa hari perayaan dan belajar apabila dijemput untuk bersama-sama melakukan pergerakan. Berdasarkan perubahan yang berlaku pada aspek bentuk, peranan, dan pementasan serta fungsi, dapat disimpulkan bahawa perubahan budaya itu berlaku. Pada peringkat awalnya persembahan *Kuntau* amat menitikberatkan upacara *miring* sebagai perkara utama sebelum menuntut ilmu *Kuntau*. Namun pada peringkat kedua perkembangan dan perubahan telah berlaku disebabkan oleh beberapa sebab iaitu pandangan masyarakat Iban di kampung Bayur yang semakin luas, pengaruh agama, penghijrahan generasi muda ke bandar, permintaan penduduk kampung untuk menjadikannya sebagai satu hiburan dan kurangnya tenaga pengajar (*Guro*) yang ingin meneruskan cara pengajaran *Kuntau* seperti asalnya disebabkan kekangan daripada ibu bapa yang melarang anak lelaki mereka untuk menuntut ilmu *Kuntau* sepenuhnya.

### **Perubahan Peranan persembahan *Kuntau* (Penciptaan)**

Masyarakat Iban di Kampung Bayur berpendapat bahawa peranan *Guro Kuntau* mengajar *Kuntau* dengan langkah demi langkah sahaja tanpa adanya kepercayaan yang boleh menakluki pendirian setiap pelajar. Perubahan peranan yang berlaku pada *Guro Kuntau* menyebabkan kekangan untuk memberi ilmu dengan

lebih mendalam lagi pada sesetengah pelajar yang mempunyai keinginan untuk belajar ilmu Kuntau. Bagi responden 1, sebagai seorang *Guro* yang masih lagi memegang ilmu *Kuntau* yang mendalam, memberi kenyataan bahawa beliau hanya boleh mengajar jenis dan langkah *Kuntau* sahaja pada pelajarnya. Secara tidak langsung penciptaan persembahan terhadap *Kuntau* telah berlaku menjadi sebagai sebuah hiburan.

## **PERBINCANGAN**

Kajian persembahan *Kuntau* masyarakat Iban di Kampung Bayur, Balai Ringin Sarawak merupakan satu kajian yang melibatkan perubahan fungsi dan seni persembahan *Kuntau* yang telah berkembang dari aspek fungsi yang melibatkan pandangan masyarakat Iban di Kampung Bayur pada masa kini terhadap persembahan *Kuntau*, bentuk dari segi tubuh badan, ruang dan waktu dalam persembahan *Kuntau*, peranan dari aspek penciptaan persembahan *Kuntau* yang dijadikan sebagai satu permainan moden masyarakat Iban di Kampung Bayur, dan pementasan dari sudut tempat persembahan *Kuntau* dilakukan semasa Hari Perayaan Gawai Dayak. Dewasa kini, persembahan *Kuntau* yang asal semakin dilupakan dalam segelintir kehidupan masyarakat Iban di Kampung Bayur berdasarkan latar belakang kajian pengkaji menekankan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, sorotan literatur, metodologi kajian, skop kajian, kepentingan kajian, dan takrif dan istilah. Melalui proses ini pengkaji dapat memfokuskan tentang hala tuju kajian persembahan *Kuntau* yang unik dan memiliki bentuk upacara tersendiri.

Pendekatan membincangkan sejarah masyarakat Iban akan dirungkai secara umum untuk melihat asal-usul masyarakat Iban serta budaya mereka. Secara langsung pengkaji akan menerangkan masyarakat Iban merupakan etnik tersebar di Sarawak dan mempunyai perbezaan dari setiap etnik. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan tentang sejarah *Kuntau* dalam masyarakat Iban yang menjadi sebuah kesenian pertahankan diri dan amalan serta kepercayaan dalam masyarakat Iban. Melalui skop yang kecil ini masyarakat dapat melihat secara menyeluruh tentang kedatangan masyarakat Iban yang mempunyai pelbagai budaya dan adat terutamanya dalam persembahan *Kuntau* yang berkait rapat dengan unsur kepercayaan animisme sebagai pemberi ilmu pada mereka sewaktu ketika dahulu. Pengkaji akan menengahkan perkembangan fungsi yang merangkumi pandangan masyarakat Iban terhadap persembahan *Kuntau*. Fungsi tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu fungsi pandangan masyarakat Iban di Kampung Bayur dan perkembangan fungsi yang merangkumi penubuhan sebuah badan kesenian yang ditubuhkan. Sehubungan dengan itu, pengkaji turut mengemukakan perubahan budaya yang berlaku pada persembahan *Kuntau* yang perlu diwarisi oleh generasi baharu. Secara tidak langsung, pelbagai elemen perubahan budaya yang merangkumi bentuk, peranan dan pementasan. Tambahan pula, perubahan dari aspek sosialisasi menjadi fenomena terhadap perubahan yang berlaku pada persembahan *Kuntau* dan perubahan budaya dapat dilihat melalui bagaimana pandangan masyarakat Iban di kampung Bayur mempengaruhi cara hidup dari sudut perkembangan fungsi dan pemikiran moden mereka sehingga kini dapat dilihat.

## **KESIMPULAN**

Secara rasionalnya, terdapat implikasi yang dapat dilihat sebelum dan selepas kajian persembahan *Kuntau* dilakukan. Antaranya yang positif berdasarkan kajian tersebut adalah menjawab persoalan pengkaji tentang bentuk, fungsi, peranan dan perubahan yang terdapat dalam persembahan *Kuntau*. Pada dasarnya, kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji luar adalah tertumpu terhadap dalaman yang terdapat dalam persembahan *Kuntau* namun bukannya bersifat menyeluruh. Antara implikasi yang dapat dilihat adalah terhadap pengajaran. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan implikasi yang dapat dilihat adalah dari sudut pendidikan, kajian ini merupakan satu medium untuk mengenali kepercayaan dan agama masyarakat Iban secara lebih terperinci sesuai dengan subjek sejarah tari yang boleh dikaitkan dengan budaya pada masyarakat lain untuk melihat budaya. Melalui pembelajaran ini, kajian tersebut turut membantu penulis untuk mengkaji dan menulis tentang Sarawak untuk mengetahui persembahan *Kuntau* yang menyebabkan elemen seni terpampang dalam pelaksanaannya. Tambahan pula, melalui pembelajaran subjek sejarah tari yang meliputi pelbagai budaya boleh membantu pelajar mahupun penyelidik untuk

mendapat ilmu tentang budaya yang ada di dalam negara mahupun di luar negara dan salah satunya adalah memperkenalkan budaya yang ada pada masyarakat Iban supaya tidak ditelan zaman.

Selain itu, implikasi dapat dilihat dari manfaat kepada kajian lanjut. Berdasarkan perspektif ini, kajian yang dijalankan akan membuka ruang terhadap keistimewaan yang terdapat dalam masyarakat Iban terutamanya dari aspek budaya, adat resam dan kepercayaan yang harus dikekalkan sehingga kini meskipun perubahan telah berlaku. Melalui kajian ini, sedikit sebanyak dapat membantu pelajar yang lain ketika membuat kajian yang melibatkan kajian masyarakat Iban, khususnya menyentuh aspek budaya, sosiologi dan antropologi. Sebagai cadangan di masa akan datang, kajian ini memastikan *Kuntau* dipelajari dimana-mana kampung ataupun badan persatuan ataupun di mana-mana institut pengajian awam dengan adanya pelatih/Guru yang handal dalam menurunkan ilmu *Kuntau* kepada generasi muda agar dapat dikekalkan dan diwarisi kepada generasi yang akan datang. Melalui pendekatan pendidikan ini secara rasionalnya dapat memberikan pendedahan secara menyeluruh berkenaan *Kuntau* baik dari segi sejarah, bentuk, fungsi serta peranan yang berlaku secara ilmiah. Intipatinya, dengan pendedahan seperti ini secara langsung budaya masyarakat Iban dapat dikekalkan dan dipelajari oleh masyarakat lain.

## RUJUKAN

- Anya Peterson Royce. (1977). *The Anthropology of Dance*. Canada: Indiana University Press Bloomington and London.
- Denny Eko Wibowo., & Widyanarto. (2021). Penerokaan Rekaan Hasil Kreatif Tari Seri Inai berdasarkan Tari Inai dari Panggak Laut, Daik Lingga sebagai Sumber Penciptaan Tari. *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 9 (1), 1-15.
- Ghazali Darusalam., & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Gregory Kiyai. (2019). Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Jurnal Borneo Arkhailogia*. 4 (1), 99-116.
- Gregory Kiyai (2019). Tukang Sabak dalam budaya dan upacara Nyabak Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian awal. *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 7, 120-125.
- Geogory Kiyai, Noria Tugang., & Olivia Seer. (2020). Ngajat Iban: Satu penelitian budaya. *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 8 (2), 70-83.
- Geogory Kiyai., & Noria Tugang. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka. *Jurnal Kinabalu*. 26 (1), 59-71.
- Haslinda Md. Nazri. (2018). Aspek Sosial dan Kebudayaan Masyarakat Iban di Sarawak. *Ideology*. 3(2), 79-90.
- Harry Fandinus., Imam Ghozali., & Asfar Muniir. (2019). Pola Tabuhan Tebah Gendang Dayak Iban Sebaruk Di Kecamatan Sekayam Kabupaten Sanggau. *Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran Khatulistiwa*. 8 (9), 1-10.
- Hanizah Jukim., Azlin Iryani Mohd Noor., & Abdul Aziz Zalay@ZaliTaylor. (2020). Keberkesanan Adaptasi Konsep Identiti Budaya Dalam Mereka Bentuk Landskapdi Kawasan Sekolah. *KUPAS SENI Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. 8 (2), 52-69.
- Mabong. (2016). Kuntau Iban Patut Dikemansang Nyadi Lumba Enggau Main Moden. *Utusan Borneo (Sarawak)*. 2 Februari 2016.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. *Jurnal Melayu*. 17 (2), 143-159.
- Nalong Anak Buda., & Johnny Chuat. (2009). *Iban pegai Rajah Brooke*. Published by Pegari Iban Production.
- Nalong Anak Buda., & Johnny Chuat. (2007). *Gerempung Jerita Tuai Iban*. Published by Pegari Iban Production.
- Pringle, R. (2010). *Rajah and rebels: The iban of sarawak under brooke rule 1841-1941*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Richards, A. (1980). *An iban-english dictionary*. New York: Oxford University Press.
- Vinson., & Sutlive, J. (2001). *The Encyclopedia of Iban Studies: Iban History, Society and Culture*. The Tun Jugah Foundation: The Borneo Research Council.INC.
- Vinson., & Sutlive, J. (1994). *Handy reference dictionary of iban and english*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn Berhad.
- Wright, L., Morrison, H., & Wong, K. F. (1972). *Vanishing world: The ibans of borneo*. Madison Avenue; NY: John Waterhill.